

GEOLOGI AM DAN KAJIAN ANALISIS FASIES FORMASI CROCKER KUALA TONGOD TELUPID, SABAH

NAMA : ASHA KLING LAWRENCE
PENYELIA : PROF. DR. FELIX TONGKUL
PROGRAM : GEOLOGI

ABSTRAK

Kajian ini menggariskan kajian analisis fasies Formasi Crocker berusia Eosen tengah hingga Miosen awal terletak di tengah-tengah Sabah sepanjang jalan Telupid-Kuala Tongod iaitu merupakan sekitaran endapan kipas laut dalam. Kawasan kajian berkeluasan 100 kilometer persegi yang terletak pada garis lintang $05^{\circ} 16' 00''\text{U}$ sehingga $05^{\circ} 20' 00''\text{U}$ dan garis bujur $116^{\circ} 56' 00''\text{T}$ hingga $116^{\circ} 57' 00''\text{T}$. Kajian struktur seperti analisis lapisan, lineamen positif, lineamen negatif dan kekar mendapati pengendapan sedimen telah mengalami canggaan utama iaitu Timur LautBarat Daya. Unit batuan terdiri daripada perulangan selang lapis batu pasir dan syal. Empat fasies dikenalpasti iaitu terdiri daripada Fasies B, Fasies C, Fasies D dan Fasies E. Batu Pasir Tebal (Fasies B) dicirikan sebagai lapisan batu pasir tebal selang lapis dengan syal nipis yang kurang struktur sedimen dan berbutiran kasar ke halus. Fasies C dicirikan sebagai lapisan selang lapis batu pasir yang banyak mengandungi struktur flut, kesan beban, gruf dan fosil surih jenis *iknofasies Cosmoraphae* dan *Helminthoida*. Saiz butiran batu pasir Fasies C adalah sederhana halus ke halus berbanding di Fasies B. Fasies D pula mempunyai ketebalan batu pasir dan syal yang lebih nipis serta mengandungi laminasi selari berbutiran halus. Syal tebal Fasies E pula dicirikan sebagai syal tebal selang lapis dengan batu pasir nipis yang tidak seragam tanpa struktur sedimen. Analisis jujukan menegak mendapati asosiasi fasies terdiri daripada lob proksimal diikuti oleh lob distal dan slur. Jujukan menghalus ke telah menunjukkan migrasi lob, manakala jujukan mengkasar ke atas menunjukkan progradasi lob. Kajian paleoarus menunjukkan sedimen telah terendap dari barat ke timur atau barat laut ke tenggara. Batu pasir dikelaskan sebagai litik wak yang matang dari segi kimia namun tidak matang dari tekstur dan berketentuanan buruk.